

05 JUN 1999

Samsudin-Imbuan

IMBUHAN KHAS DIBAYAR RM100 SEBULAN MULAI GAJI BULAN JULAI

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Kakitangan awam yang menerima imbuan khas RM600 seorang akan menerima bayaran pertama sebanyak RM100 melalui gaji bulan Julai, kata Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Tan Sri Samsudin Osman.

Bagaimanapun, katanya, cara mana dan pecahan jumlah yang akan diberi kepada kumpulan yang sudah bersara, belum ditetapkan lagi.

"Bagi bayaran kepada penerima pencen, kita sedang memperincikan kaedahnya," katanya kepada pemberita ketika ditanya mengenai kaedah pembayaran imbuan khas itu.

Beliau ditemui pemberita selepas menerima darjah Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran Tan Sri di Istana Negara hari ini.

Dua hari lepas, Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin mengumumkan pemberian khas kepada kakitangan awam seluruh negara termasuk kepada kumpulan yang sudah bersara. Bagaimanapun, kakitangan kumpulan Jawatan Utama Sektor Awam (Jusa) terkecuali.

Ketika ditanya sama ada penerima pencen juga akan menerima RM100 sebulan seperti kakitangan awam yang lain, beliau berkata kemungkinan itu ada.

Beliau berkata inilah kali pertama imbuan khas itu diberi kepada penerima pencen.

Ketika ditanya sebab kerajaan kali ini memutuskan memberi imbuan kepada penerima pencen, beliau berkata, "Ini keputusan kerajaan".

Mengenai pelarasan gaji dengan kenaikan antara RM150 hingga RM200 sebulan kepada kakitangan lima pihak berkuasa berkanun, beliau berkata JPA akan menguruskan pelaksanaan pelarasan itu secepat mungkin.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan mengenai pelarasan gaji itu yang membabitkan 10,892 kakitangan Pertubuhan Kebajikan Sosial (Perkeso), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Simpanan Nasional (BSN), Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

-- BERNAMA

NZ AKD